



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA
MALAYSIA

03-8870 4426
ukk@dof.gov.my
<http://www.dof.gov.my>

No. Ruj.: DOF.UKK.11/02/09-1/1 Jld. 2 (6)

SIARAN MEDIA

PENAFIAN PENGLIBATAN DOF DALAM KES PENAHANAN WARGANEGARA BANGLADESH DI KLIA

PUTRAJAYA , 25 JANUARI 2025 – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) ingin menegaskan bahawa DOF tidak pernah mengeluarkan sebarang surat jemputan atau memberikan kebenaran kepada 12 warganegara Bangladesh yang dilaporkan cuba memasuki Malaysia menggunakan dokumen dan pakaian yang memaparkan logo DOF.

Pemakaian pakaian dengan logo rasmi DOF oleh individu-individu ini merupakan tindakan berniat untuk mengelirukan pihak berkuasa. Tindakan ini adalah satu perbuatan serius yang mencemarkan imej dan reputasi DOF sebagai sebuah institusi kerajaan yang bertanggungjawab dalam sektor perikanan negara.

Sehubungan itu, DOF ingin merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) atas tindakan pantas mereka yang berjaya menghalang cubaan individu-individu ini untuk memasuki Malaysia. Kecekapan JIM dalam menangani isu ini adalah bukti komitmen mereka dalam menjaga keselamatan dan kedaulatan negara.

DOF menyeru orang ramai supaya berhati-hati terhadap pihak-pihak tertentu yang cuba menyalahgunakan nama, logo, atau identiti jabatan untuk tujuan yang tidak sah. Sebarang maklumat mengenai aktiviti mencurigakan boleh dilaporkan kepada pihak berkuasa untuk tindakan lanjut.

DOF juga akan terus bekerjasama rapat dengan agensi penguatkuasaan bagi memastikan langkah pencegahan yang lebih berkesan dapat diambil untuk mengelakkan insiden seperti ini daripada berulang.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my

25 Januari 2025